UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# UiTM@Media 2016

# Gemilang Alumni

UiTM@Media 2016

# Buka restoran kerana gemar makan

WALAUPUN seorang atlet, Suwaibah seorang yang gemarkan makanan terutamanya masakan kampung dan menjadikannya sebagai cabang perniagaan yang diterokai melalui pembukaan Restoran Kuah Desa.

Mempunyai ibu dan bapa yang mempunyai latar belakang perniagaan, sedikit sebanyak mempengaruhi Suwaibah untuk mengikut jejak langkah mereka dan mengambil peluang tersebut untuk turut sama berniaga memandangkan dia perlu mencari sesuatu untuk menjana pendapatan.

Mendapat sambutan yang amat menggalakkan, dia akan menumpukan sepenuh perhatian kepada restoran tersebut dan mahu mengabadikan segala kenangan sepanjang melakukan acara larian di restoran miliknya yang telah dibuka sejak tahun lalu.

"Saya sangat suka makan dan ibu bapa pula mempunyai kedai makan di kampung. Jadi, saya cuba mengambil peluang ini memandangkan lokasi restoran ini begitu strategik untuk menarik pelanggan terutamanya pada waktu tengah hari," katanya yang turut pandai memasak.

Berkongsi rahsia kekal sihat dan cergas, Suwaibah memberitahu seseorang individu itu perlu sentiasa memotivasikan diri, menjaga kesihatan diri selain menjaga pemakanan. Kebanyakan masanya diluangkan untuk menjalani latihan, senaman, beriadah, dan memantau restorannya.



UiTM@Media 2016

## Penasihat
Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

## Ketua Projek
Alfina Bakar

## Pengurus Produksi
Darus Kasim
Rosly Mahmud

## Penyelaras Bahan Akhbar
Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

## Pembantu Penyelaras Bahan Akhbar
Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

## Pereka Grafik Utama
Junaidy Talib

## Pereka Grafik
Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

## Sumber Keratan Akhbar
Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu, New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro, Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.